



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Pahang

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap di UiTM Cawangan Pahang**.

JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	TARAF PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA						
1.	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	Tetap	RM1,352.00	RM4,003.00

SYARAT LANTIKAN

PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (N19)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40).
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80).

SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

2. Kelayakan SPM Sebagai Syarat Lantikan Dalam Perkhidmatan Awam

- (a) Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam perkhidmatan awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SPM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SPM berikut :
- (i) Dua (2) mata Pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; atau
 - (ii) Dua (2) mata Pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang terkumpul dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau badan berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.

Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama salinan sijil-sijil dan mengikut susunan berikut :-

- i. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
- ii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah Menengah
- iii. Salinan Sijil PMR/MCE/SPM, HSC/STPM, Ijazah/Diploma atau setaraf
- iv. Surat Pengesahan tempoh pekerjaan daripada majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji.

Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di <http://pahang.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.
- c. Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 Ogos 2024 (Khamis)**
- d. Sila kemukakan permohonan kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENKA
26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENKA
PAHANG DARUL MAKMUR**

NO.TEL: (09-4602000 / 2032)